



PENGUMUMAN KORPORAT KWAP MENGENAI COVID-19

Sukacita dimaklumkan bahawa Kaunter Perkhidmatan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] di Cyberjaya akan dibuka semula mulai 28 Oktober 2020, dengan kapasiti tenaga kerja yang dikurangkan untuk memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) sentiasa dipatuhi, sehingga pada satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Pusat Panggilan Khidmat Pelanggan KWAP akan terus beroperasi seperti biasa dan pada masa yang sama, 'drop box' masih disediakan di luar Kaunter Perkhidmatan untuk memudahkan orang ramai sekiranya penyerahan dokumen perlu dibuat.

Untuk sebarang urusan lain, orang ramai dinasihatkan untuk menghantar e-mel ke mypesara@kwap.gov.my.

Maklumat terkini mengenai perkara ini akan diberikan dari semasa ke semasa. Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dialami. Kerjasama dari pihak anda dalam perkara ini amat kami dihargai.

Terima kasih.

Tarikh: 27 Oktober 2020